

MALAY

1. HIV ialah:

- A. satu cara antarabangsa untuk menghasilkan video
- B. satu saluran televisyen Amerika Syarikat
- C. sejenis virus yang menyerang sistem imunisasi dalam tubuh badan manusia

(Jawapan C: HIV = Human immunodeficiency Virus.

HIV adalah virus yang menyebabkan AIDS. HIV menyerang sistem daya tahan badan, menyebabkan badan lemah dan tidak berupaya melawan jangkitan penyakit)

2. Berapa orang yang hidup dengan HIV/AIDS di dunia pada hari ini?

- A. 15 juta orang
- B. 30 juta orang
- C. 40 juta orang

(Jawapan: C)

3. Jumlah jangkitan baru dan kematian yang disebabkan oleh HIV/AIDS bertambah setiap tahun.

BENAR/PALSU

(Jawapan: Benar, terdapat 3 juta kematian yang disebabkan oleh HIV/AIDS di

4. Apakah cara utama jangkitan HIV/AIDS?

- A. hubungan seks antara lelaki dan wanita
- B. hubungan seks sesama lelaki
- C. penggunaan jarum suntikan atau picagari yang telah dijangkiti HIV/AIDS, contohnya, dari perkongsian jarum antara pengguna dadah
- D. melalui ibu kepada bayinya semasa kehamilan, kelahiran atau penyusuan
- E. melalui sentuhan atau ciuman

(Jawapan A, tetapi kesemua di atas adalah cara jangkitan HIV/AIDS kecuali E)

5. Hampir separuh daripada mereka yang HIV Positif dijangkit sebelum umur 25 tahun.

Benar / Palsu

(Jawapan: Benar, Penyakit Kelamin tersebar luas di kalangan orang muda antara umur 15 hingga 24 tahun. Hubungan seks yang awal di kalangan orang muda boleh mengakibatkan peningkatan jumlah teman, contohnya seks rambang; kekurangan maklumat / pengetahuan, dsb)

6. Terdapat vaksin untuk HIV/AIDS

Benar / Palsu

(Jawapan: Palsu, terdapat ubat dan cara rawatan lain tetapi bukan semua orang boleh mendapatkannya. Sebenarnya, tidak ada vaksin untuk HIV/AIDS)

7. Pandu Puteri dan Pengakap Puteri berusaha untuk menentang HIV/AIDS

Benar / Palsu

(Jawapan: Benar)